

Kata kunci:
Tadabbur
Nikmat
Syukur
Prihatin



Majlis Ugama Islam Singapura

Khutbah Jumaat

26 Jun 2026 / 10 Muharram 1448H

Asyura Menerusi Lensa Tadabbur

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي تَوَرَّ بِالْقُرْآنِ الْقُلُوبَ، وَأَنْزَلَهُ فِي أَوْجَزِ لَفْظٍ وَأَعْجَزِ أُسْلُوبٍ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ الْأَبْرَارِ، وَأَصْحَابِهِ الْأَخْيَارِ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Zumratal mukminin rahimakumullah,

Bertakwalah kepada Allah s.w.t. Laksanakan segala perintah-Nya serta jauhilah segala larangan-Nya. Semoga Allah s.w.t. mempermudah perjalanan kita menuju keredaan, pengampunan dan syurga-Nya. Amin, ya Rabbal 'Alamin.

Saudara yang dikasihi,

Hari ini adalah siri terakhir Khutbah **Tadabbur**, dan bersempena dengan Hari Asyura, hari yang begitu sinonim dengan peristiwa Nabi Musa a.s. dan kaumnya yang dibebaskan dari kezaliman Firaun, marilah kita bersama mengambil pendekatan **tadabbur** dan menghayati ayat ke-6 daripada Surah Ibrahim:

وَإِذْ قَالَ مُوسَىٰ لِقَوْمِهِ اذْكُرُوا نِعْمَةَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ أَنْجَاكُمْ مِنْ
عَالِ فِرْعَوْنَ يَسُومُونَكُمْ سُوءَ الْعَذَابِ وَيُذَبِّحُونَ أَبْنَاءَكُمْ
وَيَسْتَحْيُونَ نِسَاءَكُمْ وَفِي ذَٰلِكُمْ بَلَاءٌ مِّن رَّبِّكُمْ عَظِيمٌ ﴿٦﴾

Yang bermaksud: “Dan (ingatlah) ketika Musa berkata kepada kaumnya: “Ingatlah **nikmat** Allah kepada kamu, semasa Dia menyelamatkan kamu dari Firaun dan orang-orangnya yang sentiasa menyiksa kamu dengan berbagai seksaan yang dahsyat, dan mereka pula menyembelih anak-anak lelaki kamu, dan membiarkan anak-anak perempuan kamu untuk hidup; dan (kejadian yang demikian itu) mengandungi ujian yang besar dari Tuhanmu”.

Hadirin yang dimuliakan,

Sekali imbas, apa yang kita fahami ayat ini menceritakan bahawa, Nabi Musa mengingatkan kaumnya agar mengenang pertolongan Allah yang telah menyelamatkan mereka dari cengkaman kezaliman Firaun dan tenteranya. Namun, pendekatan **tadabbur** mengundang kita bertanya beberapa persoalan berikut:

Mengapakah Nabi Musa a.s. diperintahkan mengingatkan kaumnya tentang nikmat dan bantuan Allah?

Kerana manusia mudah melupakan Tuhan, serta **nikmat** dan segala macam bantuan Allah setelah berlalunya kesusahan dan ujian. Lalu manusia mula tertipu dengan kehebatan dirinya, dan menyangka segala yang dimilikinya adalah hasil usahanya, sedangkan setiap **nikmat** datang daripada Allah s.w.t.

Mengapakah Allah mengaitkan peringatan ini dengan peristiwa penyelamatan kaum Nabi Musa daripada Firaun?

Kerana manusia lebih mudah menghargai **nikmat** apabila mengenangkan kesusahan yang pernah dilalui. Apabila Bani Israil mengenang penderitaan mereka di bawah cengkaman Firaun, mereka akan lebih menghargai **nikmat** kebebasan yang Allah kurniakan.

Apakah hubungan ayat ini dengan Hari Asyura?

Seperti yang disebutkan pada awal khutbah ini, Hari Asyura mengingatkan kita kepada peristiwa Allah menyelamatkan Nabi Musa a.s. dan Bani Israil daripada kezaliman Firaun. Apabila Rasulullah s.a.w melihat orang-orang Yahudi berpuasa pada hari tersebut, Baginda bertanya tentang sebabnya. Mereka menjelaskan bahawa itulah hari Allah memberikan kemenangan kepada Nabi Musa a.s. dan kaumnya. Lalu Baginda s.a.w bersabda yang bermaksud:

“Aku lebih berhak ke atas Musa daripada kamu.” Maka Baginda Nabi s.a.w. berpuasa pada hari Asyura dan memerintahkan untuk berpuasa (pada hari tersebut). (Riwayat Al-Bukhari)

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,

Adakah pengajaran Hari Asyura sekadar menuntut kita untuk berpuasa sahaja? Sudah tentu tidak. Kerana berdasarkan **tadabbur** ayat 6 Surah Ibrahim yang sedang dibincangkan ini, terdapat dua pengajaran yang boleh kita terapkan dalam kehidupan:

Pertama: Menzahirkan kesyukuran lebih dari ucapan di bibir

Sifat **bersyukur** mengajar kita menghargai apa yang telah Allah berikan, dan tidak sibuk memikirkan apa yang belum dimiliki. Namun, **kesyukuran** yang sebenar tidak terhad kepada ucapan “Alhamdulillah” semata-mata.

Apabila seseorang benar-benar **bersyukur**, perasaan itu perlu diterjemahkan melalui amalan dan tindakan. Kaum Yahudi di zaman Rasulullah s.a.w. berpuasa pada Hari Asyura sebagai tanda **kesyukuran** atas pertolongan Allah.

Begitu juga kita, **kesyukuran** perlu dizahirkan dengan menggunakan **nikmat** yang Allah kurniakan untuk melakukan kebaikan. Harta yang kita miliki, sebagai contoh, boleh digunakan untuk membantu mereka yang memerlukan. Masa yang kita ada, boleh dimanfaatkan untuk berbakti kepada ibu bapa dan keluarga. Ilmu yang kita perolehi boleh digunakan untuk membimbing dan memberi manfaat kepada masyarakat. Beginilah cara seorang mukmin mengenang nikmat yang diberi dan menzahirkan **kesyukurannya** kepada Allah s.w.t.

Pengajaran kedua: Melahirkan keprihatinan terhadap bebanan dan dugaan kehidupan orang lain.

Nabi Musa a.s. berusaha membebaskan kaumnya daripada bebanan hidup kaumnya yang berupa kezaliman dan penindasan. Hari ini, kita, sebagai mukmin juga perlu **prihatin** terhadap nasib dan kesusahan insan lain. Kerana dewasa ini, dugaan kehidupan boleh hadir dalam pelbagai bentuk. Ada yang berlaku di ruang siber, ada yang berlaku di tempat kerja, dan ada juga yang berlaku dalam rumah tangga seperti penderaan fizikal, tutur kata dan emosi.

Melebihi batasan simpati, seorang mukmin wajar berusaha menghulurkan bantuan mengikut kemampuannya, seperti melaporkannya kepada pihak berkuasa, agar hak mangsa terpelihara. Benar, pertolongan Allah pasti akan tiba. Tetapi di masa yang sama, seorang mukmin juga perlu berusaha menjadi sebahagian daripada jalan pertolongan tersebut dengan membantu dan melindungi mereka yang berada dalam kesusahan.

Saudara yang dirahmati Allah,

Jika umat Nabi Muhammad s.a.w. lebih berhak untuk memperingati Hari Asyura, maka kita selayaknya mengenang **nikmat** Allah dengan penuh **kesyukuran**, dan berusaha menjadi lebih **prihatin** terhadap kesusahan saudara-saudara kita.

Sifat ini dapat dipupuk melalui hubungan yang berterusan dengan Al-Quran, dengan membaca dan meneliti secara **tadabbur** mesej-mesej yang terkandung di dalamnya, dan bukan sekadar mengikut kefahaman sendiri, tetapi dengan berpandukan kefahaman para ulama tafsir yang muktabar, agar penghayatan kita itu benar, tepat, dan menjadi santapan rohani yang berkesan.

Dengan ini, siri Khutbah **Tadabbur** melabuhkan tirainya. Mudah-mudahan menerusi pendekatan **tadabbur** yang dikongsikan selama empat minggu ini, dapat memberikan kita iktibar dan bimbingan dalam membentuk kehidupan yang lebih dekat kepada Allah s.w.t. Amin, ya Rabbal 'Alamin.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ
الرَّحِيمُ.

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى فِيمَا أَمَرَ، وَانْتَهُوا عَمَّا نَهَى عَنْهُ وَزَجَرَ.

أَلَا صَلُّوا وَسَلِّمُوا عَلَى النَّبِيِّ الْمُصْطَفَى، فَقَدْ أَمَرَنَا اللَّهُ بِذَلِكَ حَيْثُ قَالَ فِي كِتَابِهِ الْعَزِيزِ: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمُهَدِّينَ سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ وَالْقُرَابَةِ وَالتَّابِعِينَ، وَتَابِعِي التَّابِعِينَ، وَعَنْ مَعَهُمْ وَفِيهِمْ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْخُرْبَ وَالْإِعْتِدَاءَ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْتَوْدِعُكَ أَنْفُسَنَا وَأَهْلَنَا وَبِلَادَنَا، وَنَعُوذُ بِكَ مِنْ شُرُورِ الْمُفْسِدِينَ، وَكَيْدِ الْمُعْتَدِينَ، وَظُلْمِ الظَّالِمِينَ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَجْعَلُكَ فِي نُحُورِهِمْ، وَنَعُوذُ بِكَ مِنْ شُرُورِهِمْ.

اللَّهُمَّ أَنْصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْتَضْعَفِينَ فِي عَزَّةٍ وَفِي فَلَسْطِينَ وَفِي كُلِّ مَكَانٍ عَامَّةً،
يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ. اللَّهُمَّ بَدِّلْ خَوْفَهُمْ أَمْنًا، وَحُزْنَهُمْ فَرَحًا، وَهَمَّهُمْ فَرَجًا، يَا
رَبَّ الْعَالَمِينَ. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً، وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً، وَقِنَا عَذَابَ
النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يُأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى، وَيَنْهَى عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ، يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ، فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ
يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ، وَلَا تَنْسُوا
اللَّهَ أَكْبَرَ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.